

Kes asid bermotifkan cemburu

Sinar 21/2/2012 MS 8.

Polis tahan dua lelaki berusia 32 dan 39 tahun bagi membantu siasatan

**RAHAYU MUSTAFA &
MOHD AZLIM ZAINURY**

KUALA TERENGGANU – Kejadian simbah asid hingga menyebabkan seorang remaja berusia 18 tahun dan rakannya cedera di Kampung Padang Merchang, Marang, di sini kelmarin dipercayai bermotifkan cemburu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Asisten Komisioner K Manoharan berkata, hasil siasatan awal, pihaknya tidak menolak kemungkinan suspek bertindak demikian akibat perasaan cemburu terhadap salah seorang mangsa.

Berikutan kejadian itu katanya, polis menahan seorang nelayan dan penganggur di rumah masing-masing di Kampung Padang Merchang dan Padang Rusa kira-kira jam 7.30 malam kelmarin bagi membantu siasatan kes.

"Suspek berusia 32 dan 39 tahun itu sebelum ini dilaporkan pernah bertengkar mulut dan mengugut salah seorang mangsa dan mereka kini ditahan reman selama seminggu bagi membantu siasatan," katanya.

Sinar Harian semalam melaporkan seorang remaja yang sedang menunggu keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Mohd Fadzil



Hanapi Idrus parah disimbah cecair dipercayai asid ketika tidur.

Dalam kejadian jam 5.10 pagi itu, Mohd Fadzil melecur pada bahagian muka, tangan, badan dan kedua-dua belah kaki selepas disimbah asid dari arah luar tingkap oleh individu tidak dikenali.


Turut cedera pada muka dan badan dalam kejadian itu adalah rakannya, Sharul Zaman Salim, 38, yang tidur dekat dengannya.

Kakak mahu suspek dikenakan hukuman berat

Belum reda kejadian mengejutkan yang menimpa bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Serating, Mohd Fazil Idrus, 18, timbul pula cerita baru apabila dia didakwa seorang 'playboy' dan menjadi buruan gay.

Seorang rakan mangsa yang ditemui *Sinar Harian* di Marang mendakwa, sikapnya yang mudah mesra menyebabkan dia mempunyai ramai kawan perempuan.

Selain itu, rakannya juga mendakwa kelebihan Mohd Fazil menarik



MANOHARAN

perhatian wanita yang lebih tua daripadanya menyebabkan ramai lelaki di kampung itu cemburu dan sakit hati.

Bagi mendapatkan kepastian *Sinar Harian* menemui kakak mangsa, Siti Zawirah.

Dia bagaimanapun enggan mengulas mengenai tanggapan buruk mengenai adiknya itu, namun mengakui adiknya berkawan rapat dengan seorang perempuan seusianya.

"Kami sekeluarga berharap keadaan Mohd Fazil kembali normal dan mahu individu bertanggungjawab ke atas nasib dialaminya dikenakan hukuman yang berat.

"Tragedi itu bukan sahaja memusnahkan masa depannya tetapi menghancurkan hati kami sekeluarga termasuk mereka yang menyayanginya," katanya.



Idrus, menunjukkan wajah anaknya yang normal sebelum tragedi.



Disimbah asid dari luar tingkap

Mohd Fazil, Sharul Zaman melecur di muka, tangan dan badan

MONDALINZAINIBY

KARANG - Pukul 5.15 petang, seorang lelaki berusia 54 tahun, Mohd Fazil Idrus Mat Noh, 54, dan Sharul Zaman, 30, ditipu dan disimbah asid di rumah mereka di Jalan Merchang, di sini.

Insiden berlaku semasa Mohd Fazil dan Sharul Zaman sedang tidur di bilik tidur mereka. Mereka berdua sedang tidur di atas katil yang terletak di hadapan tingkap bilik itu.

Mohd Fazil dan Sharul Zaman telah dipukul dengan objek yang tajam dan disimbah asid dari luar tingkap bilik itu.



Keadaan Mohd Fazil ketika disimbah asid ketika sedang tidur di rumah rakannya di Padang Merchang, Marang, awal pagi semalam.



Rakan mangsa, Mohd Hafid, menunjukkan keofatan bantal endusi dua mangsa yang hangus selepas terkena asid yang dituang dari tingkap berdekatan.

Mohd Fazil beralamat dari Pantai Merchang itu masih menunggu keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Dalam pada itu, ibu bapa Mohd Fazil ketika ditemui Sinar Harian di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Kuala Terengganu, berharap ada pihak yang dapat membantu menampung kos rawatan anaknya itu.

"Saya mohon bantuan daripada pihak tertentu untuk membolehkan anak saya kembali normal dan menyambung persekolahan," kata bapa



Keadaan mangsa sebaik tiba di HSNZ sebelum menerima rawatan kelmarin.

Mohd Fazil, Idrus Mat Noh, 54.

Difahamkan Mohd Fazil akan berada di hospital buat jangka masa lama bagi memudahkan pihak hospital memantau kecederaan yang dialaminya selain memerlukan kos perubatan agak tinggi kerana krim yang digunakan diimport dari China yang berharga RM500 hanya untuk

kegunaan seminggu.

Dalam pada itu, *Sinar Harian* turut difahamkan sekumpulan anggota dan pegawai Bahagian Siasatan Jenayah Daerah Marang berjaya menahan dua suspek berhubung insiden itu untuk disoal siasat. Kedua-dua suspek terbabit ditahan di daerah ini, semalam.